



Kuala Lumpur ibu negara Malaysia

Pengenalan



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN telah diwujudkan semula pada Mac 2004 untuk menyelaraskan pentadbiran di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Pada Disember 2004, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik untuk menetapkan hala tuju dan tindakan strategik dalam mencapai visi dan misi KWP. Pada tahun 2005, Pelan Strategik KWP telah siap disediakan untuk dilaksanakan di KWP. Ia merupakan satu dokumen yang mengandungi Visi, Misi, Nilai Teras dan Teras Strategik untuk memacu KWP dalam melaksanakan tugas-tugas Menteri Wilayah Persekutuan dengan menjayakan program dan aktiviti yang menjurus kepada Wilayah Persekutuan Maju dan Sejahtera.

Rancangan Malaysia Ke-9 yang bermula pada tahun 2006 telah menggariskan lima teras utama yang perlu dilaksanakan. Kajian Semula Rancangan Malaysia Ke-9 masih mengekalkan lima teras utama tersebut dan pada masa yang sama tekanan globalisasi dan krisis ekonomi global juga perlu diberi perhatian oleh KWP dan agensinya agar terus berdaya saing dan dapat memberi perkhidmatan yang lebih cekap, tepat dan menepati masa yang disasarkan. Sehubungan dengan itu pada tahun 2008, pihak pengurusan KWP telah membuat keputusan untuk mengkaji semula Pelan Strategik KWP agar ia lebih mantap dan bersesuaian dengan kehendak dan aspirasi Kerajaan Persekutuan, warga Wilayah Persekutuan dan keadaan semasa di peringkat wilayah dan global.

KWPKB

PELAN STRATEGIK



Beberapa siri *retreat* telah diadakan dalam proses penyediaan kajian semula Pelan Strategik Kementerian. *Retreat* tersebut telah dihadiri oleh pegawai Kementerian dan agensinya agar isu-isu yang dibincangkan dalam pembentukan rangka Pelan Strategik Kementerian dapat difahami dan dihayati bersama.

Semasa dalam proses penyediaan draf akhir Pelan Strategik ini, beberapa perkara penting telah berlaku dalam pentadbiran Negara. Lanjutan dari itu rakyat Malaysia telah diperkenalkan dengan gagasan pentadbiran kerajaan yang dipaksikan atas konsep “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” dan disusuli dengan Bidang Keberhasilan Utama (NKRA) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) di peringkat Negara manakala di peringkat Kementerian pula YB Menteri telah memperkenalkan konsep 7P (Pembangunan, Perumahan, Penjaja dan Peniaga Kecil, Pengangkutan Awam, Penyelenggaraan, Penguatkuasaan dan Prihatin). Dengan itu Pelan Strategik Kementerian yang disediakan telah diselaraskan dengan perkara-perkara tersebut dan ia menjadi asas kepada penyediaan :



- Rangka untuk membuat perancangan dan keputusan,
- Rangka kepada Pelan Pelaksanaan KWPKB,
- Asas kepada pembentukan Pelan Operasi KWPKB,
- Asas untuk membuat perancangan dan pelaksanaan secara terperinci; dan
- Pemangkin perubahan bagi perancangan KWPKB di masa akan datang.

Nilai sebenar Pelan Strategik ini terletak pada pelaksanaan strategi dan tindakan susulan yang perlu dijalankan, oleh itu satu dokumen Rangka Tindakan Pelan Strategik KWPKB 2010-2014 telah disediakan bersekali dengan Pelan Strategik Kementerian. Dokumen tersebut merupakan satu Peta Strategik (*Strategic Map*) yang memberi gambaran menyeluruh terhadap strategi yang akan dilaksanakan bagi mencapai matlamat Kementerian sebagaimana yang telah ditetapkan. Ianya merangkumi objektif strategi yang diterjemah kepada bentuk kuantitatif yang dapat dinilai pencapaiannya dengan menggunakan kaedah Penilaian Prestasi Utama (KPI). Dokumen ini juga akan memudahkan tindakan pelaksanaan dan pemantauan oleh Kementerian dan agensinya.

Latar Belakang KWPKB

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

diwujudkan pada tahun 1979 untuk menjalankan tugas dan fungsi sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969. Pada masa itu, Kementerian Wilayah Persekutuan juga berfungsi sebagai penyelaras perancangan dan pembangunan Kuala Lumpur dan kawasan Lembah Klang selaras dengan penubuhan satu Majlis Perancangan Wilayah Lembah Klang dan Jawatankuasa Kerja Wilayah Lembah Klang.



KWPKB

PELAN STRATEGIK



Pada tahun 1981, Kementerian Wilayah Persekutuan telah diturunkan statusnya menjadi satu bahagian di bawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang beroperasi sebagai Unit Perancangan Lembah Klang. Untuk menampung strategi pembangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan pula, pada tahun 1984 telah diwujudkan Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dan Perancangan Lembah Klang untuk melaksanakan dasar pembangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

Penyusunan semula Kabinet pada 27 Mac 2004 telah menyaksikan Kementerian Wilayah Persekutuan ditubuhkan semula untuk memberi tumpuan khusus terhadap kemajuan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya) di samping bertanggungjawab untuk menyelaras Perancangan Lembah Klang seperti yang tersebut dalam Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 (pindaan 2004).

Pada 23 Oktober 2009, ketika pembentangan Bajet 2010, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa fungsi dan tanggungjawab Kementerian Wilayah Persekutuan diperkukuh dan diperluaskan untuk membasmi kemiskinan bandar dan melaksanakan program kesejahteraan bandar di seluruh negara. Sehubungan itu pada 13 November 2009, Kementerian Wilayah Persekutuan dengan rasminya dikenali sebagai **KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**.





Fungsi dan Bidang Kuasa

Merancang, mengurus, melaksana, memantau dan menilai kemajuan dan pembangunan dengan fokus kepada:


- a) Kuala Lumpur - sebagai Ibu Negara Malaysia dan Bandar Raya Bertaraf Dunia
- b) Labuan - sebagai Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa serta destinasi pelancongan yang maju, indah dan sejahtera
- c) Putrajaya - sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang terurus, bersemangat dan bertenaga serta makmur
- d) Pengurusan dan pentadbiran tanah Wilayah Persekutuan yang cekap dan berkesan
- e) Kemajuan dan pembangunan sukan Wilayah Persekutuan yang cemerlang
- f) Penyelaras perancangan dan pembangunan Wilayah Lembah Klang yang seimbang
- g) Membasmi kemiskinan bandar seluruh negara
- h) Melaksanakan program kesejahteraan bandar



KWPKB

PELAN STRATEGIK


Struktur Organisasi KWPKB



PELAN STRATEGIK


KWPKB

Pihak Berkepentingan dan Pelanggan



KWPKB

PELAN STRATEGIK



Sinergi yang dibentuk bersama Pihak Berkepentingan akan memberi impak kepada kejayaan dan keberkesanan KWPKB. Kefahaman terhadap keperluan Pihak Berkepentingan yang pelbagai dan mempunyai objektif yang berbeza adalah langkah permulaan untuk KWPKB mengenal pasti bentuk perkhidmatan yang diperlukan.

Gabungan elemen yang dinyatakan serta dokongan dan sokongan agensi di bawahnya memberikan nilai tambah kepada perkhidmatan dan meningkatkan keberkesanan fungsi KWPKB demi mencapai visi, misi dan aspirasinya sekaligus merealisasikan hasrat dan matlamat Kerajaan Persekutuan.



Aspirasi

Aspirasi Nasional

- Wawasan 2020
- Dasar Nasional
 - Konsep “1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”
- Misi Nasional (lima teras utama)
 - Meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai lebih tinggi
 - Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama
 - Menangani ketidaksamaan sosio ekonomi yang berterusan secara membina dan produktif
 - Meningkatkan tahap kemampanan kualiti hidup
 - Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan
- Fokus Utama Perkhidmatan Awam
 - Perkhidmatan yang cekap, cepat, berkesan dan mesra

Aspirasi KWPKB

- Konsep 7P
 - Pembangunan - lebih teratur lagi sistematik
 - Perumahan - perhatian kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah
 - Penjaja dan peniaga kecil - diberi ruang
 - Pengangkutan awam - menyumbang kepada pembangunan mampan
 - Penyelenggaraan prasarana dan kemudahan awam
 - Perkhidmatan dan penguatkuasaan - perkhidmatan mesra rakyat
 - Prihatin - pentadbiran yang prihatin terhadap rakyat
- Fokus Perkhidmatan
 - Peka dengan kehendak pelanggan dan pihak berkepentingan
 - Mesra, perhatian, proaktif dan responsif

KWPKB

PELAN STRATEGIK

Visi



“Wilayah Persekutuan Maju dan Bandar Sejahtera”

Wilayah Persekutuan

Wilayah Persekutuan terdiri daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Bandar

Semua bandar yang terletak dalam kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan seluruh negara.

Maju

- Pencapaian ekonomi yang mantap dan berdaya saing serta pengagihan peluang yang adil dan saksama
- Penyediaan kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam yang lengkap dan memenuhi keperluan rakyat
- Pembangunan tamadun sosial dan rohani yang berteraskan nilai-nilai agama
- Masyarakat berbudaya unggul, berilmu, menguasai teknologi, berketrampilan, berakhlak dan mempunyai jati diri yang tinggi

Sejahtera

- Bandar yang terancang, berkualiti, selesa dan selamat
- Pengangkutan awam yang efisien, boleh dipercayai (*reliable*) dan selamat
- Masyarakat yang bersatu-padu, harmoni, berbudi bahasa dan bersikap toleransi
- Keselamatan awam yang terjamin dan memenuhi amalan gaya hidup sihat
- Alam sekitar yang bersih, indah dan lestari
- Institusi keluarga yang utuh dan semangat kejiwaan yang tinggi
- Masyarakat yang mendokong dan mengamalkan nilai murni, demokrasi dan mengutamakan kestabilan politik
- Persekitaran yang kondusif bagi peningkatan kualiti hidup masyarakat
- Kemiskinan bandar dibasmi.



Misi

Menerajui kemajuan dan pembangunan Wilayah Persekutuan, meningkatkan kualiti hidup masyarakat dan membasmi kemiskinan bandar.

Moto

Wilayah Maju dan Bandar Sejahtera



KWPKB

PELAN STRATEGIK

Nilai Teras

Warga Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar berpegang kepada empat (4) nilai teras dalam melaksanakan misi ke arah pencapaian visi yang ditetapkan. Nilai-nilai teras ini merupakan tunjang pegangan warga Kementerian dan juga sebagai wadah yang kukuh terhadap komitmen Kementerian untuk berkhidmat kepada rakyat dan Kerajaan Malaysia.

Cemerlang

Berkhidmat dengan penuh komitmen dan rasa tanggungjawab terhadap kualiti output yang dihasilkan berasaskan etika kerja cemerlang, berpengetahuan, cekap, dedikasi, bijak, tekun, kreatif dan inovatif.

Amanah


Berkhidmat dengan penuh ikhlas, berintegriti, bertanggung jawab, jujur, benar, menepati janji dan masa, boleh dipercayai, telus dan berdisiplin.

Mesra

Berkhidmat dengan berbudi bahasa, berbudi mulia, hormat menghormati, senyum sentiasa agar mesra pelanggan, mesra rakyat dan mesra alam sekitar.

Prihatin

Berkhidmat dengan penuh peka kepada keperluan pihak berkepentingan dan pelanggan di samping memahami isu-isu senario semasa dan cepat dalam mencari penyelesaian, perlu sentiasa proaktif, responsif, berkerjasama, bersifat empati serta berorientasikan tindakan dan semangat berpasukan.



Rangka Strategik



Tumpuan Pelan Strategik KWPKB bagi tempoh 2010-2014 adalah berteraskan kepada visi dan misi untuk mencapai matlamat menjadikan Wilayah Persekutuan dan bandar yang maju dan sejahtera dalam bidang ekonomi, fizikal, sosial, kerohanian dan kebudayaan. Ia juga diasaskan kepada Wawasan 2020, lima teras utama RMKe-9 dan teras utama Misi Nasional dan konsep "1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Setelah dikaji dan bincangkan, maka didapati enam Teras Strategik terdahulu masih boleh dijadikan asas untuk memacu dan memandu Kementerian mengharungi cabaran arus globalisasi, penarafan dan persaingan, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi serta membentuk jentera pentadbiran Kerajaan yang kukuh dan berintegriti. Perkara tersebut dapat dicapai melalui tadbir urus yang cemerlang dan berkesan.



PELAN STRATEGIK

KWPKB

Wilayah Persekutuan Maju dan Bandar Sejahtera

14



Teras Strategik

Enam Teras Strategik yang membentuk akronim **MANTAP** (**M**-modal insan, **A**-aspek ekonomi, **N**-nilai tambah, **T**-teknologi, **A**-alam sekitar dan **P**-penyertaan masyarakat) masih diguna pakai oleh KWP dalam usaha melaksanakan tugas yang dipertanggungjawab serta mengharungi cabaran yang berbangkit dalam merealisasikan visi dan misi yang ditetapkan.

M	Modal Insan	Penekanan terhadap pembangunan Modal Insan
A	Aspek Ekonomi	Tumpuan terhadap Pembangunan Ekonomi di Wilayah Persekutuan
N	Nilai Tambah	Memberi Nilai Tambah kepada Pihak Berkepentingan
T	Teknologi	Kementerian berteraskan Teknologi
A	Alam sekitar	Pemuliharaan Alam Sekitar dalam projek pembangunan
P	Penyertaan Masyarakat	Penglibatan Masyarakat dalam bentuk cadangan dan pandangan dalam pelbagai aktiviti





Labuan pusat kewangan antarabangsa





Modal Insan

Program yang berunsurkan pembentukan masyarakat berilmu, bersikap toleransi, berhemah, berdisiplin dan berbudaya perlu diwujudkan untuk menghasilkan masyarakat Wilayah Persekutuan dan bandar yang maju dan sejahtera.

Pembangunan **Modal Insan** boleh dicapai melalui kaedah dan pendekatan berikut:

Mewujudkan Komuniti yang Berilmu

- Mewujudkan masyarakat berilmu
- Membudayakan peningkatan ilmu dan kemahiran di kalangan komuniti
- Meningkatkan kesedaran dan membudayakan sikap kepentingan bersama
- Memperbanyakkan penglibatan pelbagai kaum

Menyediakan kemudahan Awam yang efektif bagi keselesaan pembangunan insan dan masyarakat

- Penyediaan kemudahan awam yang mencukupi keperluan setempat

Menyediakan kemudahan awam yang mencukupi untuk kanak-kanak, warga kurang upaya dan warga emas

- Pembangunan yang peka kepada kanak-kanak, warga kurang upaya dan warga emas

Nota :

Pembangunan Modal Insan di kalangan pegawai dan kakitangan KWPKB diperincikan dalam Pelan Strategik Sumber Manusia.

Teras 1

Objektif 1:

MEWUJUDKAN KOMUNITI YANG BERILMU

M 1 : Mewujudkan masyarakat berilmu

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
M 1.1 Penyediaan pusat ilmu bagi pembangunan baru	<ul style="list-style-type: none">Bilangan pusat ilmuBilangan penggunaBilangan bidang	6 12,000 12	2014
M 1.2 Memperkasakan penggunaan kemudahan ilmu sedia ada	<ul style="list-style-type: none">Bilangan pengguna	68,000	2014
M 1.3 Mewujudkan pusat ilmu bagi pembangunan sedia ada	<ul style="list-style-type: none">Bilangan pusat ilmuBilangan pengguna	6 1,000	2014
M 1.4 Menjadikan masjid / surau sebagai pusat pengembangan ilmu	<ul style="list-style-type: none">Bilangan masjid dan surauBilangan programBilangan peserta	59 2 2,000	2010



M 2 : Membudayakan peningkatan ilmu dan kemahiran di kalangan komuniti

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
M 2.1 Penganjuran program peningkatan ilmu dan kemahiran	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan agensi • Bilangan peserta • Bilangan program • Pengiktirafan kepada pembudaya ilmu 	<p>12</p> <p>8,000</p> <p>47</p> <p>6</p>	2014

M 3 : Meningkatkan kesedaran dan membudayakan sikap kepentingan bersama

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
M 3.1 Melaksanakan program-program kejuranan	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan program • Bilangan aktiviti • Bilangan peserta • Bilangan kawasan 	<p>20</p> <p>432</p> <p>45,850</p> <p>58</p>	2014
M 3.2 Pelaksanaan Program Gerakan Tumpuan (PGT) (di kawasan baru dan sedia ada)	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan program PGT • Bilangan komuniti 	2 program setahun (WPKL) >3,000	2014
M 3.3 Membentuk <i>shared values</i> dan jati diri warga Wilayah Persekutuan	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan program, kursus dan latihan • Bilangan peserta • Bilangan agensi terlibat 	<p>39</p> <p>3,040</p> <p>14</p>	2014

M 4 : Memperbanyakkan penglibatan pelbagai kaum

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
M 4.1 Menentukan setiap kaum melalui persatuan dan NGO dijemput untuk terlibat dan menghadiri program/aktiviti yang dianjurkan	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan program • Bilangan persatuan / NGO 	<p>18</p> <p>275</p>	2014

Teras 1

Objektif 2:

MENYEDIAKAN KEMUDAHAN AWAM YANG EFEKTIF BAGI KESELESAAN PEMBANGUNAN INSAN DAN MASYARAKAT

M 5 : Penyediaan kemudahan awam yang mencukupi mengikut keperluan setempat

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
M 5.1 Merancang dan menyediakan kemudahan awam bagi keselesaan pembangunan komuniti yang dirujuk kepada pelan pembangunan (Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan)	<ul style="list-style-type: none">Pematuhan piawaian pembangunan	100%	2014


Objektif 3:

MENYEDIAKAN KEMUDAHAN AWAM YANG MENCUKUPI UNTUK KANAK-KANAK, WARGA KURANG UPAYA DAN WARGA EMAS

M 6 : Pembangunan yang peka kepada keperluan kanak-kanak, Warga Kurang Upaya dan Warga Emas

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
M 6.1 Merancang, menyelaras dan melaksanakan kemudahan awam kanak-kanak, warga kurang upaya serta warga emas	<ul style="list-style-type: none">Bilangan kemudahan awam kanak-kanakBilangan kemudahan awam warga kurang upayaBilangan kemudahan awam warga emas	45 76 4	2014







Aspek Ekonomi

Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab mentadbir pembangunan seluruh Wilayah Persekutuan, penting bagi KWPKB menerajui perancangan dan pengurusan wilayah dan kawasan bandar di bawah pentadbirannya bagi memastikan :

- Peningkatan taraf ekonomi penduduk Wilayah Persekutuan dan bandar
- Pembangunan dalam sektor-sektor ekonomi yang penting seperti sektor perdagangan dan pelancongan
- Pelaksanaan langkah-langkah untuk menggalakkan pelaburan
- Penyediaan peluang dan kemudahan infrastruktur kepada warga kota untuk mencapai kemajuan ekonomi
- Pembasmian kemiskinan dengan meningkatkan taraf pendapatan penduduk bandar

Pembangunan **Ekonomi** boleh dicapai melalui pendekatan berikut :

Meningkatkan produktiviti, daya saing dan nilai tambah

- Memudahkan segala urusan yang berkaitan aktiviti ekonomi
- Menyediakan peluang dan suasana yang kondusif kepada sektor penjaja dan peniaga kecil
- Meningkatkan penglibatan komuniti perniagaan perniagaan dalam dan luar negara

Meningkatkan aktiviti pelancongan di Wilayah Persekutuan

- Menggalak dan mengukuhkan sektor pelancongan

Membasmi kemiskinan di Wilayah Persekutuan dan bandar di seluruh negara

- Menyedia dan melaksanakan program pembasmian kemiskinan

Objektif 1:

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI, DAYA SAING DAN NILAI TAMBAH

E 1 : Memudah segala urusan yang berkait dengan aktiviti ekonomi

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
E 1.1 Mempercepatkan proses kelulusan pembangunan mengikut piawaian OSC	<ul style="list-style-type: none"> • Permohonan secara serentak • Kelulusan kebenaran merancang • Kelulusan kerja tanah • Kelulusan pelan bangunan • Kelulusan sijil layak menduduki 	<ul style="list-style-type: none"> • 100% (120 hari) • 100% (108 hari) • 100% (80 hari) • 100% (69 hari) • 100% (14 hari) 	2014
E 1.2 Mempercepatkan proses pertimbangan permohonan urusan tanah mengikut Piagam Pelanggan	Pematuhan tempoh masa yang ditetapkan (piagam pelanggan)	120 hari	2014
E 1.3 Mempercepatkan keputusan permohonan lesen premis perniagaan	Pematuhan tempoh masa yang ditetapkan (piagam pelanggan)	<ul style="list-style-type: none"> • Pantas dan aktiviti perniagaan tidak berisiko : >80% (1-2 hari bekerja) • Biasa dan aktiviti perniagaan berisiko : >80% (14-30 hari bekerja) 	2014
E 1.4 Memastikan penyediaan infrastruktur berasaskan pelan susun atur yang diluluskan bagi menjana pertumbuhan ekonomi	Penyediaan infrastruktur yang menepati piawaian di dalam pelan pembangunan	100%	2010

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
E 1.5 Menggubal dan mengkaji semula undang-undang, garis panduan, peraturan dan kaedah yang boleh meransang pembangunan ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan bengkel / perbincangan / mesyuarat 	34	2011
	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan undang-undang / garis panduan / peraturan / kaedah yang dibincangkan dalam bengkel / perbincangan / mesyuarat 	22	2011

E 2 : Menyediakan peluang dan suasana yang kondusif kepada sektor penjaja dan peniaga kecil

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran	
E 2.1 Menyediakan premis dan tapak perniagaan yang mesra peniaga dan pelanggan	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan premis Bilangan tapak Bilangan peniaga yang terlibat 	24 1,445 1,384	2014	
	E 2.2 Menempatkan semula penjaja dan peniaga kecil dalam bangunan	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan premis yang disediakan Bilangan penjaja dan peniaga kecil yang ditempatkan 	10 194	2014
		E 2.3 Mengeluarkan lesen kepada penjaja-penjaja	Bilangan lesen yang dikeluarkan	2,459
E 2.4 Menambah baik dan menaik taraf kawasan penjaja dan peniaga kecil	Bilangan kawasan / tapak / premis	4	2014	



E 3 : Meningkatkan penglibatan komuniti perniagaan dalam dan luar negara

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
E 3.1 Menganjurkan konvensyen dan seminar perniagaan	Bilangan program	17	2014
E 3.2 Meningkatkan kerjasama antara agensi kerajaan dan komuniti perniagaan dalam dan luar negara	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan program Bilangan misi perdagangan 	21 4	2010
E 3.3 Menjadi hos kepada acara-acara antara bangsa	Bilangan acara	25	2014
E 3.4 Menganjur, menyertai dan memberi kerjasama dalam penganjuran pameran-pameran peringkat antara bangsa	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan penganjuran Bilangan penyertaan 	4 kali setahun 28	2014
E 3.5 Menyedia dan menyebarkan maklumat perdagangan dan perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan penerbitan maklumat Melalui internet 	4 4	2014



Objektif 2:
MENINGKATKAN AKTIVITI PELANCONGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

E 4 : Menggalak dan mengukuh sektor pelancongan
(Mempromosikan keluar pasaran global dengan cara berkesan)

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
E 4.1 Mewujudkan prasarana bertaraf antara bangsa	Jumlah kemasukan pelancong <ul style="list-style-type: none"> Tempatan Antarabangsa 	6,400,000 8,200,000	2014
E 4.2 Mengadakan penganjuran dan pengurusan acara bertaraf antara bangsa	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan acara Bilangan peserta 	33 101,400	2014
E 4.3 Menggalak, menyertai dan bekerjasama (<i>smart partnership</i>) bagi mempromosikan pemasaran produk pelancongan	Bilangan program <ul style="list-style-type: none"> Program kerjasama Program penganjuran sendiri Program yang disertai 	99 21 22	2014
E 4.4 Menaik taraf serta memperbaiki produk-produk sedia ada	Bilangan produk	20	2014
E 4.5 Memperkenalkan produk-produk pelancongan baru	Bilangan produk baru	13	2014
E 4.6 Memperkenalkan insentif bagi menggalak pembangunan pelancongan	Bilangan insentif	20	2014
E 4.7 Meningkatkan hospitaliti dan kualiti pelayanan	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan latihan Bilangan kempen Bilangan program Bilangan aduan yang diterima berkaitan layanan 	69 15 18 <22	2014

Teras 2

Objektif 3:

MEMBASMI KEMISKINAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN BANDAR DI SELURUH NEGARA

E 5 : Menyedia dan melaksanakan program pembasmian kemiskinan

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun sasaran
E 5.1 Menghapus kemiskinan tegar	Bilangan ketua isi rumah yang bebas miskin tegar <ul style="list-style-type: none"> Bilangan rumah disediakan Bilangan lesen yang dikeluarkan Bilangan latihan Bilangan bidang latihan Bilangan peluang pekerjaan Bilangan bantuan 	5,017 109 (KL dan Labuan) 18 (KL) 28 (KL dan Labuan) 13 (KL dan Labuan) 30 (KL) 61 (KL dan Labuan)	2010
E 5.2 Mengurangkan golongan miskin	Bilangan ketua isi rumah yang bebas miskin <ul style="list-style-type: none"> Bilangan rumah disediakan Bilangan lesen yang dikeluarkan Bilangan latihan Bilangan bidang latihan Bilangan peluang pekerjaan Bilangan bantuan 	15,548 507 (KL dan Labuan) 32 (KL dan Labuan) 30 (KL dan Labuan) 10 (KL dan Labuan) 51 (KL dan Labuan) 6 (KL dan Labuan)	2014
E 5.3 Menyelaras program-program pembasmian kemiskinan	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan program Bilangan agensi terlibat Bilangan KIR terlibat 	27 (KL dan Labuan) 7 (KL dan Labuan) 749 (KL dan Labuan)	2014







Nilai Tambah

Penting bagi KWPKB menampilkan imej positif sebagai sebuah organisasi yang memberi nilai tambah kepada pihak berkepentingan dengan berperanan sebagai penyelaras dalam menangani isu-isu lintasan sempadan, saluran komunikasi antara masyarakat kota, agensi pelaksana dan sebagainya.

Hasrat ini dicapai melalui kaedah berikut :

Menyelaras sumber dengan keutamaan bagi memastikan penggunaan dana awam yang optimum

- Pengurusan kewangan yang baik dan urus tadbir yang cekap

Meningkatkan perkongsian maklumat antara agensi dalam mencari penyelesaian yang lebih efektif

- Perkongsian pintar sistem aplikasi dan maklumat antara agensi

Objektif 1:

MENYELARAS SUMBER DENGAN KEUTAMAAN BAGI MEMPASTIKAN PENGGUNAAN DANA AWAM YANG OPTIMUM

N 1 : Pengurusan kewangan yang baik dan urus tadbir yang cekap

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
N 1.1 Menambah baik dan menjana sepenuhnya penggunaan kemudahan secara elektronik (<i>OSC online, e-submission, e-payment, e-licensing, e-tempahan</i> dan lain-lain)	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan sistem Peratus penggunaan 	12 100%	2014
N 1.2 Mengukuhkan tadbir urus (PEMUDAH, JKP, HRMIS, JPPMKB)	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan prosedur yang diperkukuhkan Bilangan urusan Bilangan mesyuarat 	19 4 3-4 kali setahun	2014
N 1.3 Mengukuhkan pengurusan sumber manusia	Rujuk kepada Pelan Strategik Sumber Manusia		
N 1.4 Membangunkan dasar, prosedur dan sistem pentadbiran yang baik dan responsif			
N 1.5 Membangunkan projek-projek ICT selaras dengan visi dan misi KWP	Rujuk kepada Pelan Strategik ICT		
N 1.6 Memastikan keberkesanan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan Mesyuarat Bilangan laporan 	4 kali setahun 4 laporan	2014




Objektif 2

MENINGKATKAN PERKONGSIAN MAKLUMAT ANTARA AGENSI DALAM Mencari PENYELESAIAN YANG LEBIH EFEKTIF

N 2 : Perkongsian pintar sistem aplikasi dan maklumat antara agensi

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
N 2.1 Mewujudkan penelarasan projek ICT antara KWPKB dan agensi	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT	4 kali setahun	2014
N 2.2 Mewujudkan <i>clearinghouse</i>	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan sistem yang terlibat Bilangan jenis maklumat 	1 1 (zoning)	2014
N 2.3 Menyelenggara infrastruktur dan infostruktur ICT, data dan sistem secara berkala	Kekerapan penyelenggaraan	3 kali setahun	2014







Teknologi

Selari dengan usaha kerajaan yang menjurus kepada ekonomi berasaskan teknologi, KWPKB akan turut menggunakan teknologi untuk mencapai perolehan maksimum. Kuasa pengetahuan dan informasi amat penting untuk KWPKB melipatgandakan sumbangan dan impaknya. Menjadi kementerian berteraskan teknologi tidak bererti ia akan melibatkan kos pelaburan tinggi. Sebaliknya, tumpuan perlu diberi untuk mengeksploitasi kecanggihan teknologi agar keputusan yang diinginkan dapat dicapai dengan cepat dan tepat.

Pembangunan **Teknologi** di Wilayah Persekutuan dan bandar boleh dicapai melalui kaedah berikut :

Memperkasa penggunaan teknologi untuk meningkatkan kualiti hidup


- Mewujudkan masyarakat celik ICT
- Mewujudkan Bandar Selamat
- Meluaskan penggunaan system pengurusan pengangkutan awam yang efisien
- Menyediakan infrastruktur, aplikasi dan keselamatan ICT
- Mengadakan sistem amaran awal bagi mengurangkan impak bencana
- Meningkatkan penggunaan teknologi tinggi dalam industri pembinaan
- Meningkatkan penyebaran maklumat berteraskan teknologi

Objektif 1

MEMPERKASA PENGGUNAAN TEKNOLOGI UNTUK MENINGKATKAN KUALITI HIDUP

T 1 : Mewujudkan masyarakat celik IT

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
T 1.1 Memperluaskan kawasan liputan capaian <i>Internet Broadband</i>	<ul style="list-style-type: none"> Peratus kawasan liputan Medan Info Desa 	>35% 1	2010
T 1.2 Melaksanakan kempen kesedaran penggunaan internet di kalangan komuniti	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan rumah yang menggunakan Internet Bilangan persatuan penduduk yang terlibat dengan kempen menggunakan internet 	104,349 -	2010
T 1.3 Menyediakan kemudahan peralatan komputer di pusat-pusat komuniti, surau dan masjid	Bilangan pusat yang telah disediakan kemudahan	4	2014
T 1.4 Menggalakkan penyediaan prasarana latihan IT di kalangan komuniti berpendapatan rendah	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan latihan Bilangan pusat yang menyediakan latihan Bilangan peserta 	3 2 20-30	2014



T 2 : Mewujudkan Bandar Selamat

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
T 2.1 Meningkatkan pengawasan jenayah melalui penggunaan teknologi CCTV	Bilangan CCTV di tempat tumpuan awam dan kawasan mempunyai risiko jenayah	152	2014
T 2.2 Meningkatkan pencahayaan di laluan gelap – (<i>Motion detector, Speaker, Alert Management System- SCADA</i>)	Bilangan laluan gelap yang dipasang dengan lampu dengan pencahayaan sekurang-kurangnya 5-500 lux	52	2014
T 2.3 Mengadakan Pusat Kawalan Bandaraya	Bilangan pusat kawalan	3	2011
T 2.4 Meluaskan fungsi-fungsi kawalan <i>Traffic Management Centre (TMC)</i> merangkumi fungsi kawalan keselamatan	Bilangan kawasan yang diliputi	2	2013



T 3 : Meluaskan penggunaan sistem pengurusan pengangkutan awam yang efisien

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
T 3.1 Mewujudkan <i>Traffic Advisory System</i>	Menggalakkan pemasangan sistem GPS (<i>Fleet Management System</i>) <ul style="list-style-type: none"> Bilangan kenderaan awam yang menggunakan GPS 	70	2011

T 4 : Menyediakan infrastruktur, aplikasi dan keselamatan ICT

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
T 4.1 Penyediaan perkhidmatan Wi-Fi / Wi-Max	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan lokasi Bilangan access point hotspot 	3 1,500	2010
T 4.2 Pembangunan Aplikasi berasaskan perkhidmatan pelanggan	Rujuk kepada Pelan Strategik ICT		
T 4.3 Pengurusan bencana bagi data-data ICT			

T 5 : Mengadakan sistem amaran awal bagi mengurangkan impak bencana (banjir, cerun runtuh)


Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
T 5.1 Melaksanakan sistem amaran awal	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan peralatan sistem amaran awal yang dipasang Bilangan kawasan yang dipasang 	10 10	2010

T 6 : Meningkatkan penggunaan teknologi tinggi dalam industri pembinaan

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
T 6.1 Mengukuhkan penggunaan IBS dalam projek-projek awam	Bilangan projek yang mematuhi piawaian IBS	9	2014
T 6.2 Menggalakkan penggunaan IBS dalam industri pembinaan	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan projek yang mematuhi piawaian IBS Bilangan perbincangan dengan badan-badan profesional yang berkaitan 	2 1	2014
T 6.3 Mengukuh pematuhan kepada piawaian dan kualiti dalam industri pembinaan	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan pematuhan 	100%	2014
T 6.4 Menerapkan konsep <i>Green Building</i> dalam pembinaan bangunan	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan bangunan yang diiktiraf oleh <i>Green Building Index</i> 	>1	2014

T 7 : Meningkatkan penyebaran maklumat berteraskan teknologi contohnya *Variable Messaging System Full Color Panel*

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
T 7.1 Menggalakkan sektor swasta membina papan iklan elektronik di lokasi strategik yang dibenarkan melalui perkongsian pintar	Bilangan papan iklan elektronik	1	2011







Alam Sekitar

Bagi mengimbangi pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial secara mampan, KWPKB perlu mengambil kira impaknya terhadap alam sekitar. Memulihara dan melindungi kekayaan sumber alam sekitar mestilah menjadi strategi utama bagi KWPKB dalam menimbangkan pelaksanaan program-programnya.

Strategi **Alam Sekitar** adalah seperti berikut :

Memulihara dan melindungi alam sekitar untuk persekitaran yang sejahtera

- Menggubal dan melaksanakan Dasar Pemuliharaan Alam Sekitar
- Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang alam sekitar
- Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar
- Mengurangkan pencemaran alam sekitar
- Mewujudkan bandar sihat

Objektif 1:

MEMULIHARA DAN MELINDUNGI ALAM SEKITAR UNTUK MEWUJUDKAN PERSEKITARAN YANG SEJAHTERA

A 1 : Menggubal dan melaksana Dasar Pemuliharaan Alam Sekitar

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
A 1.1 Memastikan sekurang-kurangnya 10% kawasan hijau bagi kawasan pembangunan baru	Bilangan projek yang mematuhi dasar	100%	2013
A 1.2 Melaksanakan dasar minimum 10% kawasan lapang dalam pelan pembangunan	Bilangan projek yang mematuhi dasar	100%	2013
A 1.3 Memelihara, memulihara dan melindungi kawasan-kawasan sensitif seperti cerun, tasik <i>wetland</i> , tadahan air dan lain-lain	Luas kawasan	2,883.19 hektar	2013
A 1.4 Mewartakan kawasan lapang / hijau	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan kawasan yang diwartakan Luas kawasan yang diwartakan 	411 2,979.69 hektar	2014
A 1.5 Menambahkan kawasan <i>green lung</i> bagi mencapai piawaian kawasan lapang / penduduk	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan kawasan / lot Luas kawasan <i>green lung</i> 	1,032 2,531.76 hektar	2014
A 1.6 Menanam pokok mengikut jumlah kelahiran	Bilangan pokok mengikut bilangan kelahiran	42,500 batang	2014

A 2 : Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang alam sekitar

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
A 2.1 Mendapatkan penurunan kuasa	Tempoh masa	2011	2011
A 2.2 Melaksanakan penguatkuasaan	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan tindakan yang diambil terhadap pihak yang tidak mematuhi piawaian Bilangan pemantauan yang dijalankan 	17 900	2014

A 3 : Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
A 3.1 Mengadakan program-program kesedaran mesra alam melalui penyertaan NGO dan masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan program kesedaran (contoh: gotong-royong, pertandingan laman cantik dan kitar semula) 	89	2014
A 3.2 Mewujudkan kesedaran kitar semula	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan kempen Bilangan program / aktiviti Bilangan kawasan komuniti yang terlibat 	68 337 112	2014



Teras 5

A 4 : Mengurangkan pencemaran alam sekitar

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
A 4.1 Melaksanakan penerapan piawaian dan pemeriksaan secara berkala	<ul style="list-style-type: none"> Indeks Pencemaran Udara (IPU) Indeks Kualiti Air Sungai / tasik, lombong, kawasan tadahan (WQI) 	<p>>80% hari baik 0-50 (baik)</p> <p>Kelas 2-4</p>	2014
A 4.2 Mengaturkan jadual pemeriksaan secara berkala	Bilangan pemeriksaan	3,442 setahun	2014
A 4.3 Menggunakan bahan mesra alam	Peratusan penggunaan <i>Green Technology</i>	20%	2014



A 5 : Mewujudkan Bandar Sihat

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
<p>A 5.1 Memantau dan mengawasi pelaksanaan pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu:</p>	<ul style="list-style-type: none"> Peratus keluasan kawasan yang menerima perkhidmatan kutipan sampah Bilangan <i>incinerator, autoclave, transfer station</i> di setiap wilayah Bilangan tong sampah MGB berasaskan RFID yang dibekalkan 	<p>100%</p> <p>2 transfer stations</p> <p>100%</p>	2014
<p>A 5.2 Melaksanakan kawalan kesihatan awam</p>	<ul style="list-style-type: none"> Peratus premis perniagaan makanan Gred A Bilangan pemeriksaan Nisbah kes penyakit berjangkit kepada 10 ribu penduduk Nisbah kes penyakit bawaan air dan makanan kepada 10 ribu penduduk 	<ul style="list-style-type: none"> >40% 10,830 <100 kes : 10 ribu penduduk <5 kes : 10 ribu penduduk 	2014
<p>A 5.3 Menggunakan bio teknologi (<i>composting</i> sampah kebun, sisa makanan)</p>	<ul style="list-style-type: none"> Peratus penggunaan pelupusan sampah kebun berbanding jumlah keseluruhan sampah yang dikutip Bilangan mesin memproses makanan kepada baja 	<p>10%</p> <p>1 unit</p>	2014







Penyertaan Masyarakat

Penyertaan Masyarakat merupakan satu elemen penting dalam setiap proses perancangan dan pembangunan agar setiap yang dirancang dan dibangunkan di Wilayah Persekutuan dan bandar telah mengambil kira pandangan, keperluan dan kehendak warga kota yang mana ini akan membentuk satu sifat jati diri dan sentiasa bangga dengan pembangunan Wilayah Persekutuan.

Dalam konteks Pelan Strategik, **Penyertaan Masyarakat** boleh diletakkan kepada beberapa peringkat atau tahap seperti berikut :

Tahap Permulaan

- Pembentukan idea dan cadangan

Tahap Pra-Pelaksanaan

- Mendapatkan maklum balas daripada komuniti dan pihak berkepentingan sebelum pelaksanaan untuk mengukur kemungkinan penerimaan atau penolakan pelaksanaan tersebut

Tahap Pelaksanaan

- Mendapatkan maklum balas semasa pelaksanaan untuk mengenal pasti sebarang kekurangan atau untuk mendapatkan petunjuk pada awal pelaksanaan yang merupakan sistem amaran awal tentang kemungkinan yang boleh berlaku

Tahap Pasca-Pelaksanaan

- Menjalankan *post-mortem* tentang hasil pelaksanaan, sebagai landasan untuk mengumpul maklumat tentang apa yang telah dipelajari dan dijadikan contoh bagi pelaksanaan akan datang



Teras 6

Penyertaan Masyarakat dalam proses perancangan dan pembangunan boleh dicapai melalui pendekatan berikut:

Melibatkan masyarakat dalam penggubalan dasar, pembangunan dan aktiviti kemasyarakatan

- Meningkatkan penyertaan masyarakat dalam proses perancangan dan pembangunan bandar
- Membantu penubuhan Persatuan Penduduk di Wilayah Persekutuan
- Memupuk gaya hidup murni di kalangan komuniti rumah pangsa dan rumah bertingkat
- Meningkatkan penyertaan dalam pencegahan jenayah dan gejala sosial bagi menjamin kesejahteraan komuniti
- Meningkatkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti sukan dan kebudayaan
- Mengaktif dan memantapkan pelaksanaan *Local Agenda 21* (LA21)

Objektif 1:

MELIBATKAN MASYARAKAT DALAM PENGGUBALAN DASAR, PEMBANGUNAN DAN AKTIVITI KEMASYARAKATAN

P 1 : Meningkatkan penyertaan masyarakat dalam perancangan dan pembangunan bandar

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
P 1.1 Memperluaskan peranan dan tanggungjawab persatuan penduduk setempat	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan program/retreat yang diadakan Bilangan <i>focus group</i> atau kumpulan perbincangan 	7 29	2014
P 1.2 Mengadakan program bersama golongan profesional, usahawan dan NGO	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan program-program yang diadakan Bilangan penyertaan 	>1 kali setahun >1,000	2014
P 1.3 Memberi peluang penyertaan anggota masyarakat untuk memberi cadangan dalam membuat dasar dan pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan perbincangan / aktiviti 	194	2014



Teras 6

P 2 : Membantu penubuhan Persatuan Penduduk di Wilayah Persekutuan

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
P 2.1 Membentuk Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP)	Tempoh masa	2011	2010
P 2.2 Menggalak penubuhan persatuan penduduk	Bilangan persatuan penduduk yang baru didaftarkan	1 kawasan perumahan baru	2014
P 2.3 Mewujudkan pusat operasi berserta kemudahan di setiap kawasan parlimen	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan Tempoh masa 	<ul style="list-style-type: none"> 4 buah pusat operasi MPPWP setahun (jumlah 13 buah pusat operasi) 2012-2013 	2013
P 2.4 Memberi khidmat nasihat kepada persatuan penduduk (Seminar, kursus, latihan kepimpinan)	Kekerapan	1 kali setahun	2014



KWPKB

PELAN STRATEGIK

P 3 : Memupuk gaya hidup murni di kalangan komuniti rumah pangsa dan rumah bertingkat

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
<p>P 3.1 Mempergiatkan dan meluaskan program kesedaran yang berterusan di kalangan masyarakat bagi menggalakkan penyertaan masyarakat</p>	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan program kesedaran Nisbah kes jenayah indeks kepada 10 ribu penduduk Nisbah kes tangkapan gejala sosial kepada 1,000 penduduk 	<ul style="list-style-type: none"> 4 <200 kes: 10 ribu penduduk <5 kes : 1,000 penduduk 	2014
<p>P 3.2 Mengadakan program bagi memupuk gaya hidup murni di rumah pangsa</p>	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan program yang diadakan 	1 taklimat sebelum penempatan dan 1 program setelah mendiami rumah	2011
<p>P 3.3 Menggalakkan penyertaan pemilik dalam <i>Management Corporation</i> (MC)</p>	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan MC yang ditubuhkan Bilangan mesyuarat 	<ul style="list-style-type: none"> 1 badan MC bagi setiap kawasan / taman perumahan 4 kali setahun 	2014

P 4 : Meningkatkan penyertaan dalam pencegahan jenayah dan gejala sosial bagi menjamin kesejahteraan komuniti

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
<p>P 4.1 Melibatkan masyarakat dalam membekalkan maklumat bagi tujuan penguatkuasaan ke atas ahli komuniti yang tidak bertanggungjawab</p>	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan aduan / maklumat Nisbah kes tangkapan gejala sosial kepada 1,000 penduduk Nisbah kes jenayah indeks kepada 10 ribu penduduk 	<ul style="list-style-type: none"> 50 <5 kes : 1,000 penduduk <200 kes : 10 ribu penduduk 	2014
<p>P 4.2 Menggalakkan penubuhan badan sukarela seperti Rakan Cop, Rakan Masjid, Rakan Muda, Rukun Tetangga</p>	Bilangan pertubuhan	1 setiap kawasan / taman perumahan	2014

P 5 : Meningkatkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti sukan dan kebudayaan

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
P 5.1 Merakyatkan sukan di Wilayah Persekutuan	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan Program/aktiviti Bilangan penyertaan 	<ul style="list-style-type: none"> 2 jenis sukan di Kuala Lumpur 1 jenis sukan di Labuan 1 jenis sukan di Putrajaya 14,000 orang (Kuala Lumpur) 2,000 orang (Putrajaya) 2,000 (Labuan) 	2014
P 5.2 Memupuk dan menyemarakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti kebudayaan dan kesenian	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan Program/aktiviti Bilangan penyertaan 	<ul style="list-style-type: none"> 27 500 orang 	2014

P 6 : Mengaktif dan memantapkan pelaksanaan Local Agenda 21

Pelan Tindakan	Indikator	Indikator Sasaran	Tahun Sasaran
P 6.1 Menubuhkan Jawatankuasa Pemandu LA21 Wilayah Persekutuan	Tempoh masa	2009	2010
P 6.2 Menubuhkan Jawatankuasa LA21 di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Labuan dan Perbadanan Putrajaya	<ul style="list-style-type: none"> Tempoh masa Bilangan program 	<ul style="list-style-type: none"> 2009-2010 >5 program setahun 	2010
P 6.3 Meningkatkan kesedaran penjawat awam dan masyarakat	Bilangan sesi penerangan	7 sesi setahun	2014





Pelan Pelaksanaan



Strategi yang telah dikenal pasti akan dilaksanakan dalam jangka masa lima (5) tahun. Pelaksanaan awal (dua tahun pertama iaitu 2010-2011) akan lebih menumpukan kepada perkara-perkara yang memerlukan perhatian segera, strategi yang lebih mudah untuk dilaksanakan serta memberi impak yang lebih besar terhadap pembangunan dan kemajuan Wilayah Persekutuan. Strategi yang lebih kompleks akan dijalankan pada tahap separuh kedua jangka masa pelaksanaan (2012 – 2014).

Pelaksanaan awal

KWPKB akan memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang bakal meningkatkan kecekapan dan kemantapan keseluruhan Kementerian dan agensinya. Pada masa yang sama, Kementerian akan melaksanakan program-program yang melibatkan orang ramai untuk menjana idea dan mengenal pasti keperluan mereka.

Pelaksanaan seterusnya

KWPKB akan memfokuskan usahanya dalam melaksanakan program-program dan perkara-perkara yang akan memperkukuh serta mempertingkatkan perkhidmatan pengurusan dan pembangunan yang didasarkan pada pengurusan bandar raya secara *good governance* untuk menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai Wilayah Persekutuan Maju dan Sejahtera.

Pelaksanaan Rangka Tindakan Pelan Strategik

KWPKB dan agensinya perlu melaksanakan Rangka Tindakan Pelan Strategik yang telah dibentuk agar visi, misi dan matlamat yang telah digariskan dalam Pelan Strategik KWP dapat dicapai. Sila rujuk Rangka Tindakan Pelan Strategik KWPKB 2010-2014.



Langkah Susulan


Langkah-langkah susulan yang dicadangkan dalam pelaksanaan inisiatif strategik adalah seperti berikut:

1. Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu

- Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik KWPKB
- Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT KWPKB
- Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik Sumber Manusia KWPKB

2. Menentukan perancangan dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik KWPKB dilaksanakan melalui:

- Jawatankuasa Penyelaras Pelan Strategik KWPKB
- Jawatankuasa Kerja Pelan Strategik di setiap agensi dan di KWPKB
- Jawatankuasa Pemandu ICT KWPKB
- Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik Sumber Manusia KWPKB



Jawatankuasa Kerja

KWPKB

PELAN STRATEGIK



3. Menjelaskan Teras Strategik dan Nilai Teras kepada setiap lapisan pegawai KWPKB dan agensinya.
4. Memantau pelaksanaan dan pencapaian Rangka Tindakan Pelan Strategik KWPKB dengan menggunakan kemudahan ICT.
5. Menyelaras dan mengurus program dan aktiviti sektor, bahagian dan unit di KWPKB dan agensinya agar seiring dan selaras dengan Pelan Strategik dan Rangka Tindakan Pelan strategik.
6. Mengadakan pameran mengenai peranan, fungsi, carta organisasi dan aktiviti-aktiviti Kementerian.
7. Melaksanakan penilaian dan kajian semula Pelan Strategik Kementerian setiap 2 tahun.



PELAN STRATEGIK

KWPKB

Penghargaan

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada di peringkat kementerian dan agensi dalam memberikan kerjasama dan sumbangan bagi menjayakan penyediaan Pelan Strategik Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar 2010-2014 terutamanya kepada:

Penaung

Y.B. Dato' Raja Nong Chik Bin Dato' Raja Zainal Abidin

Penasihat

Y.Bhg. Dato' Hj. Ahmad Phesal Bin Talib

Penyelaras

Y.Bhg. Dato' Hj Bakaruddin Bin Othman

Y.Bhg. Datuk Fauziah Binti Bachik

Y.Bhg. Dato' Yaakop Bin Fakir Mohd

Agensi

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Perbadanan Labuan

Perbadanan Putrajaya

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

Disediakan Oleh

Bahagian Perkhidmatan Teknikal dan Geospasial

Penyunting dan Konsep Reka Bentuk

Bahagian Perkhidmatan Teknikal dan Geospasial

Sekretariat

Bahagian Perkhidmatan Korporat

Penghargaan juga ditujukan khas buat individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan Pelan Strategik Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar 2010-2014.

